



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***KESILAPAN MORFOLOGI DALAM KARANGAN BAHASA
MELAYU MURID TAHUN ENAM***

SITI RAHAYU BINTI MUHAMMAD

FBMK 2022 30



**KESILAPAN MORFOLOGI DALAM KARANGAN BAHASA
MELAYU MURID TAHUN ENAM**

Oleh

SITI RAHAYU BINTI MUHAMMAD

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah
Doktor Falsafah**

September 2021

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

KESILAPAN MORFOLOGI DALAM KARANGAN BAHASA MELAYU MURID TAHUN ENAM

Oleh

SITI RAHAYU BINTI MUHAMMAD

September 2021

Pengerusi : Sharil Nizam bin Sha'ri, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Penguasaan bidang morfologi bahasa Melayu merupakan elemen penting dalam penghasilan karangan yang berkualiti. Murid sekolah rendah, terutamanya murid tahun enam yang tidak menguasai bidang morfologi dengan mantap akan mempengaruhi tahap penguasaan kemahiran menulis karangan apabila mereka menjejakkan kaki ke peringkat sekolah menengah. Kemahiran menulis merupakan keterampilan berbahasa yang mesti dikuasai oleh murid seiring dengan penguasaan dalam bidang morfologi agar karangan yang dihasilkan mampu difahami oleh pembaca. Sehubungan dengan itu, kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti kesilapan morfologi dalam karangan bahasa Melayu murid tahun enam bagi menyokong objektif satu dan dua kajian ini iaitu menganalisis kesilapan golongan kata dan menganalisis kesilapan bentuk kata dalam karangan bahasa Melayu murid tahun enam. Kajian berbentuk analisis dokumen ini menggunakan Teori Kesilapan Corder (1973). Dapatan analisis kesilapan dipersembahkan dalam bentuk kekerapan dan peratusan. Objektif ketiga kajian ini menghuraikan faktor yang mempengaruhi berlakunya kesilapan morfologi melalui temu bual bersama-sama kumpulan sasaran iaitu guru yang mengajarkan mata pelajaran Bahasa Melayu. Sebanyak 50 karangan deskriptif digunakan sebagai alat kajian. Analisis kesilapan menunjukkan murid tahun enam tersebut melakukan kesilapan morfologi ketika menulis karangan bahasa Melayu. Murid melakukan 14 (10.37%) kesilapan golongan kata nama, 43 (31.85%) kata kerja, dan 78 (57.78%) kata tugas. Kesilapan pembentukan kata pula dapat dilihat dalam pembentukan kata tunggal 5 (9.10%), kata terbitan 36 (65.45%), dan kata ganda 14 (25.45%). Faktor yang menyebabkan kesilapan morfologi dalam karangan bahasa Melayu oleh murid tahun enam iaitu faktor pengaruh faktor bahasa lisan, faktor tahap kefahaman murid, faktor proses pengajaran dan pembelajaran, dan faktor kesediaan guru. Berdasarkan dapatan kajian, dapat disimpulkan bahawa kajian analisis kesilapan morfologi dalam karangan bahasa Melayu amat penting untuk meningkatkan pengetahuan dan

memantapkan konsep morfologi dalam kalangan murid tahun enam sebagai persediaan pembelajaran peringkat yang lebih tinggi.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

MORPHOLOGICAL MISTAKE IN MALAY LANGUAGE ESSAYS BY YEAR SIX STUDENT

By

SITI RAHAYU BINTI MUHAMMAD

September 2021

Chairman : Sharil Nizam bin Sha'ri, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

Mastery of the Malay language morphology is a vital element in the production of quality essays. Primary school pupils, especially the Year Six pupils who do not acquire morph mastery well will have an effect on the writing skills when they set foot into secondary school. Writing skills are language skills that must be mastered by pupils in schools along with morph mastery so that essay writings produced by pupils can be understood by readers. In relation to that, this study is conducted to identify morphology errors in Malay language essays, produced by Year Six pupils to further support the first and second objectives of this study which describes the types of word group and word form errors. The research involves document analysis based on Corder Error Theory (1973). The findings of the error analysis are presented in the form of frequency and percentage. The third objective in this study describes factors that influence the occurrence of morphological errors through interviews with the target group, namely teachers who teach the Malay language. A total of 50 descriptive essays produced by the Year Six pupils were used as a research tool. The error analysis showed the Year Six pupils made morphological errors in writing a Malay essay. Pupils made 14 (10.37%) errors in the usage of nouns, 43 (31.85%) verbs and 78 (57.78%) task words. Word formation errors can be noticed in single word formation which accumulate to 5 (9.10%), a total of 36 (65.45%) in derivative word formation error and 14 made errors in plural forms (*kata ganda*) (25.45%). There are numerous factors that lead to the cause of morphological errors in the Malay language essays written by the Year Six pupils such as the influence of oral, level of understanding, teaching and learning and teacher readiness. Based on the findings of the research, it can be concluded that the study of the morphological error analysis in the Malay language essays is essential to upgrade knowledge and strengthen the concept of morphology among the Year Six pupils as a preparation for higher level learning.

PENGHARGAAN

Perjalanan seribu batu bermula dengan langkah pertama di Universiti Putra Malaysia. Syukur alhamdulillah perjalanan saya untuk menyudahkan penyelidikan ini tiba juga pada langkah yang akhir. Semua rasa yang saya miliki kini saya pulangkan kepada Allah SWT semula. Tanpa-Nya, perkara ini tidaklah semudah yang disangka.

Sekalung penghargaan buat penyelia saya, Dr. Sharil Nizam bin Sha'ri yang sentiasa memberikan ingatan, teguran, bimbingan dan dorongan untuk saya tetap di jalur perjalanan yang betul bagi menyudahkan kajian ini. Tidak dilupakan penghargaan buat Datin Dr. Hasnah binti Mohamed dan Prof. Madya Dr. Rohaidah binti Kamaruddin, kerana tidak jemu memberikan bimbingan dan tunjuk ajar kepada saya sepanjang tempoh menyiapkan kajian ini. Ilmu dan motivasi yang dicurahkan amat bernilai buat diri ini. Segala budi baik dan jasa kalian hanya Allah yang mampu membalasnya.

Penghargaan dan terima kasih juga saya tujukan kepada warga Bahagian Pembangunan Kurikulum, khususnya rakan pegawai Sektor Bahasa dan Kesusasteraan kerana berterusan menjadi pembakar semangat dalam usaha saya menyelesaikan kajian ini. Tidak ketinggalan pihak pentadbir sekolah yang terlibat dengan kajian ini kerana telah memberikan kerjasama sepanjang saya menjalankan kajian di sekolah tersebut. Buat rakan guru dan anak didik yang terlibat, sama ada secara langsung ataupun secara tidak langsung dalam kajian ini, saya merakamkan ucapan terima kasih atas budi baik kalian. Semoga sepanjang proses pelaksanaan kajian ini, saya dapat memberikan pendedahan dan pengalaman berharga yang mampu menyuntik semangat kalian untuk meneruskan perjuangan dalam dunia pendidikan.

Buat insan-insan tersayang, terima kasih yang tidak terhingga kerana sentiasa berdiri teguh di sisi diri ini ketika mengharungi segala onak dan duri, selain sanggup mengenyepikan segala kepentingan diri menyokong teguh perjalananku menuju destinasi ini. Tanpa kalian, perjalanan hidup diri ini tidak mungkin melakar kenangan indah sebegini.

Akhir kata, kajian ini diharapkan dapat memberikan manfaat kepada semua pihak yang memerlukan. Dapatan dan cadangan yang kemukakan dapat dijadikan panduan kepada warga pendidik di Malaysia. Semoga kajian ini memberikan impak tinggi dalam usaha melonjakkan prestasi mata pelajaran Bahasa Melayu serta pemertabatan bahasa Melayu.

**Siti Rahayu binti Muhammad
2021**

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Shahril Nizam bin Sha'ri, PhD

Pensyarah kanan
Fakulti Bahasa Modern dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Datin Hasnah binti Mohamed, PhD

Pensyarah kanan
Fakulti Bahasa Modern dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Rohaidah binti Kamaruddin, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Modern dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh : 19 Mei 2022

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : _____

Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik : Siti Rahayu binti Muhammad, GS43030

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi;

Tandatangan: _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan: Dr. Shahril Nizam bin Sha'ri

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: Dr. Hasnah binti Mohamed

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: Profesor. Madya Dr. Rohaidah binti Kamaruddin

JADUAL KANDUNGAN

	Muka surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	iv
PENGESAHAN	v
PERAKUAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvii
SENARAI SINGKATAN	xviii
BAB	
1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Penyataan Masalah	4
1.4 Objektif Kajian	5
1.5 Persoalan Kajian	5
1.6 Kepentingan Kajian	6
1.6.1 Meningkatkan Tahap Penguasaan Murid dalam Bidang Morfologi	6
1.6.2 Memantapkan Kualiti Pengajaran Guru dalam Bidang Morfologi	6
1.6.3 Perancangan Intervensi dalam Bidang Morfologi	7
1.6.4 Pembinaan Kurikulum Baharu dan Bahan Sokongan Pembelajaran dalam Bidang Morfologi	8
1.7 Batasan Kajian	8
1.8 Definisi Operasional	9
1.8.1 Kesilapan Morfologi	9
1.8.2 Penulisan Karangan Bahasa Melayu	11
1.8.3 Murid Melayu	12
1.9 Kesimpulan	12
2 SOROTAN KAJIAN	14
2.1 Pengenalan	14
2.2 Kajian berkaitan Kesilapan Morfologi	15
2.3 Kajian berkaitan Teori Analisis Kesilapan	22
2.4 Kajian berkaitan Murid Melayu	24
2.5 Kesimpulan	26
3 METODOLOGI	30
3.1 Pengenalan	30
3.2 Reka Bentuk Kajian	31

3.3	Kerangka Teori	33
3.4	Kaedah Kajian	34
	3.4.1 Ujian Penulisan	35
	3.4.2 Analisis Dokumen	35
	3.4.3 Temu Bual	36
3.5	Tempat Kajian	36
3.6	Populasi dan Pensampelan	36
3.7	Rasional Pemilihan Sampel Kajian	37
3.8	Alat Kajian	37
3.9	Tatacara Kajian	38
	3.9.1 Kajian Lapangan	38
	3.9.2 Penandaan dan Penganalisisan Karangan	38
	3.9.3 Pengurusan Temu Bual	39
	3.9.4 Penginterpretasian Data Temu Bual	39
3.10	Kerangka Kajian	40
3.11	Pertimbangan Etika	41
3.12	Kesimpulan	42
4	DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	43
4.1	Pengenalan	43
4.2	Kesilapan Golongan Kata dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	43
	4.2.1 Kesilapan Golongan Kata Nama dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	45
	4.2.2 Kesilapan Golongan Kata Kerja dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	51
	4.2.3 Kesilapan Golongan Kata Tugas dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	56
4.3	Kesilapan Bentuk Kata dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	70
	4.3.1 Kesilapan Bentuk Kata Tunggal dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	71
	4.3.2 Kesilapan Bentuk Kata Terbitan dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	72
	4.3.3 Kesilapan Bentuk Kata Ganda dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	81
4.4	Faktor yang Mempengaruhi Kesilapan Morfologi dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	82
	4.4.1 Faktor Pengaruh Bahasa Lisan Mempengaruhi Kesilapan Morfologi dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	83
	4.4.2 Faktor Tahap Kefahaman Murid yang Lemah Mempengaruhi Kesilapan Morfologi dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	87
	4.4.3 Faktor Proses Pengajaran dan Pembelajaran yang Tidak Sistematis Mempengaruhi Kesilapan Morfologi dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	96

4.4.4	Faktor Kesediaan Mengajar Guru Mempengaruhi Kesilapan Morfologi dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	103
4.5	Kesimpulan	104
5	RUMUSAN	107
5.1	Pengenalan	107
5.2	Rumusan Kajian	107
5.2.1	Rumusan Analisis Kesilapan Golongan Kata dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	108
5.2.2	Rumusan Analisis Kesilapan Bentuk Kata dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	112
5.2.3	Rumusan Faktor yang Mempengaruhi Kesilapan Morfologi dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	114
5.3	Cadangan Kajian Lanjutan	119
5.4	Kesimpulan	120
	BIBLIOGRAFI	122
	LAMPIRAN	126
	BIODATA PELAJAR	172
	SENARAI PENERBITAN	173

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka surat
1	Bilangan Murid Lulus Kertas Penulisan Bahasa Melayu Tahun 2015, 2016, dan 2017	3
2	Bilangan Murid Tidak Lulus Kertas Penulisan Bahasa Melayu Tahun 2015, 2016, dan 2017	4
3	Kesilapan Golongan Kata dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	44
4	Kekerapan dan Peratusan Kesilapan Golongan Kata Nama dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	46
5	Kesilapan Menggugurkan Kata Nama Am Hidup Manusia dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	47
6	Kesilapan Menggugurkan Kata Nama Am Tak Hidup Bukan Institusi Konkrit dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	47
7	Kesilapan Menggugurkan Kata Nama Am Tak Hidup Bukan Institusi Abstrak Berbilang dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	48
8	Kesilapan Menggugurkan Kata Nama Am Tak Hidup Bukan Institusi Abstrak Tak Berbilang dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	48
9	Kesilapan Menggugurkan Kata Ganti Nama Tunjuk Umum dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	49
10	Kesilapan Menggugurkan Kata Ganti Nama Diri Orang Pertama dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	50
11	Kesilapan Menggunakan Kata Ganti Nama Diri Orang yang Tidak Tepat dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	50
12	Kekerapan dan Peratusan Kesilapan Golongan Kata Kerja dalam Karangan Bahasa Melayu dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	52
13	Kesilapan Menggugurkan Imbuhan Awalan <i>beR-</i> bagi Kata Kerja Tak Transitif Tak Berpelengkap dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	52

14	Kesilapan Menggunakan Kata Kerja Transitif Aktif yang Tidak diikuti dengan Objek dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	53
15	Kesilapan Menggunakan Kata Kerja Transitif Aktif yang Tidak Tepat dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	54
16	Kesilapan Menggunakan Kata Kerja Transitif Aktif yang diikuti oleh Objek Tidak Tepat dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	55
17	Kekerapan dan Peratusan Kesilapan Golongan Kata Tugas dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	57
18	Kesilapan Menggugurkan Kata Hubung dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	58
19	Kesilapan Menggunakan Kata Hubung Pancangan Keterangan pada Pangkal Ayat dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	58
20	Kesilapan Menggunakan Kata Hubung yang Tidak diperlukan dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	59
21	Kesilapan Menggunakan Kata Hubung yang Tidak Tepat dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	60
22	Kesilapan Menggunakan Kata Bantu Aspek yang Tidak Perlu dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	60
23	Kesilapan Menyisipkan Kata Penegas antara Kata Kerja Transitif dengan Objek dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	61
24	Kesilapan Menggunakan Kata Sendi Nama yang Tidak Tepat dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	62
25	Kesilapan Menggugurkan Kata Sendi Nama Selepas Kata Kerja Tak Transitif dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	64
26	Kesilapan Penggunaan Kata Sendi Nama 'di' yang Tidak Tepat dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	65
27	Kesilapan Meletakkan Kata Sendi Nama di antara Kata Kerja Transitif dengan Objek dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	66

28	Kesilapan Meletakkan Kata Nafi 'bukan' di Hadapan Frasa Kerja dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	67
29	Kesilapan Meletakkan Kata Pemerih 'adalah' sebelum Kata Nama dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	67
30	Kesilapan Menggunakan Kata Bilangan Tak Tentu yang Tidak Tepat dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	68
31	Kesilapan Menggunakan Kata Tanya sebagai Objek Kata Kerja Transitif dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	69
32	Kekerapan dan Peratusan Kesilapan Bentuk Kata dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	71
33	Kekerapan dan Peratusan Kesilapan Bentuk Kata Tunggal dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	71
34	Kesilapan Menggugurkan Kata Tunggal dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	72
35	Kesilapan Menggunakan Kata Tunggal yang Tidak Tepat dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	72
36	Kekerapan dan Peratusan Kesilapan Bentuk Kata Terbitan dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	73
37	Kesilapan Pembentukan Imbuan Awalan Kata Kerja <i>meN-</i> dan <i>beR-</i> dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	74
38	Kesilapan Pembentukan Imbuan Berakhiran Kata Nama <i>-an</i> dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	76
39	Kesilapan Pembentukan Imbuan Apitan Kata Nama <i>pe-...-an</i> dan Imbuan Apitan Kata Nama <i>ke-...-an</i> dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	78
40	Kesilapan Pembentukan Imbuan Apitan Kata Kerja <i>me-...-kan</i> dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	79
41	Kesilapan Pembentukan Imbuan Apitan Kata Kerja <i>mempeR-...-i</i> dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	80
42	Kesilapan Penggandaan Penuh Kata Tunggal dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	81

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
1	Kerangka Kajian	40
2	Faktor yang Mempengaruhi Kesilapan Morfologi dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	82
3	Faktor Bahasa Lisan Mempengaruhi Kesilapan Morfologi dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	84
4	Faktor Tahap Kefahaman Murid yang Lemah Mempengaruhi Kesilapan Morfologi dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	88
5	Faktor Proses Pengajaran dan Pembelajaran yang Tidak Sistemik Mempengaruhi Kesilapan Morfologi dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	97
6	Faktor Kesediaan Mengajar Guru Mempengaruhi Kesilapan Morfologi dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	103
7	Keselarasan Tema Faktor yang Mempengaruhi Kesilapan Morfologi dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam dengan Teori Analisis Kesilapan Corder (1967)	105
8	Rumusan Kesilapan Golongan Kata dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	108
9	Rumusan Kesilapan Golongan Kata Nama dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	109
10	Rumusan Kesilapan Golongan Kata Kerja dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	109
11	Rumusan Kesilapan Golongan Kata Tugas dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	110
12	Rumusan Kesilapan Bentuk Kata dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	112
13	umusan Kesilapan Bentuk Kata Tunggal dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	112
14	Rumusan Kesilapan Bentuk Kata Terbitan dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	113

15	Rumusan Kesilapan Bentuk Kata Ganda dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	113
16	Rumusan Faktor yang Mempengaruhi Kesilapan Morfologi dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	114
17	Rumusan Faktor Tahap Kefahaman Murid yang Lemah Mempengaruhi Kesilapan Morfologi dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	115
18	Rumusan Faktor Proses Pengajaran dan Pembelajaran yang Tidak Sistematis Mempengaruhi Kesilapan Morfologi dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	117
19	Rumusan Faktor Kesiapan Mengajar Guru Mempengaruhi Kesilapan Morfologi dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	118

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran	Muka surat
1 Kesilapan Golongan Kata dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	126
2 Analisis Kesilapan Golongan Kata dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	141
3 Kesilapan Bentuk Kata dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	143
4 Analisis Kesilapan Bentuk Kata dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	149
5 Dapatan Temu Bual Faktor yang Mempengaruhi Kesilapan Morfologi dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	150
6 Soalan Temu Bual	158
7 Analisis Temu Bual Faktor yang Mempengaruhi Kesilapan Golongan Kata dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	162
8 Analisis Temu Bual Faktor yang Mempengaruhi Kesilapan Bentuk Kata dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam	166
9 Contoh Skrip Karangan	168

SENARAI SINGKATAN

DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
BM	Bahasa Melayu
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
UiTM	Universiti Teknologi MARA
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Morfologi merupakan satu cabang linguistik yang mengkaji tentang susunan kata atau pembentukan kata. Secara etimologis istilah morfologi berasal dari bahasa Yunani, iaitu gabungan kata *morphe* yang membawa maksud 'bentuk', dan *logos* yang bererti 'ilmu'. Abdul Chaer (2008) berpendapat bahawa morfologi merupakan ilmu mengenai bentuk-bentuk dan pembentukannya. Berdasarkan kamus linguistik (Kridalaksana, 2008: 159), pengertian morfologi ialah bidang linguistik yang mempelajari morfem dan kombinasi-kombinasinya atau bahagian daripada struktur bahasa yang mencakup kata dan bahagian-bahagian kata iaitu morfem. Nurhayati dan Siti Mulyani (2006: 62), menyatakan morfologi ialah ilmu yang membicarakan kata dan proses pengubahannya.

Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga (2015), morfologi ialah bidang ilmu yang mengkaji perkataan dari segi struktur, bentuk, dan penggolongan kata. Maksud struktur kata yang dimaksudkan ialah susunan bentuk bunyi ujaran atau lambang (tulisan) yang menjadi unit bahasa yang bermakna. Bentuk kata pula ialah rupa unit tatabahasa, sama ada berbentuk tunggal atau hasil daripada proses pengimbuhan, pemajmukan dan penggandaan. Penggolongan kata ialah proses menjeniskan perkataan berdasarkan keserupaan bentuk atau fungsi atau bentuk dan fungsinya. Perkataan-perkataan yang mempunyai keserupaan yang demikian digolongkan dalam golongan kata yang sama.

Morfologi dalam bahasa Melayu amat penting untuk dipelajari kerana bidang tersebut merupakan nadi dalam proses mendalami aspek kemahiran berbahasa yang lain. Pengguna bahasa yang tahu akan betul dan salah ayat yang diujarkan sudah pasti mempunyai pengetahuan yang kukuh dalam aspek morfologi yang digunakan. Seterusnya mereka dapat menterjemahkan pengetahuan dalam bentuk penulisan yang bermakna. Penguasaan morfologi yang baik di peringkat sekolah rendah akan membolehkan murid mengikuti pelajaran dengan baik dan berkesan pada peringkat seterusnya. Kementerian Pendidikan Malaysia (2018), dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Melayu Tahun Empat, memberikan penekanan yang khusus dalam kurikulum sekolah, sama ada kurikulum sekolah rendah ataupun kurikulum sekolah menengah, supaya pada akhir persekolahan murid-murid dapat menggunakan bahasa Melayu sejajar dengan peringkat perkembangan umur, selain memupuk daya pengembangan berbahasa bagi kepentingan pendidikan tinggi dan tuntutan pekerjaan.

Perlembagaan Malaysia, Perkara 152 (1) telah menetapkan bahawa 'bahasa kebangsaan di negara Malaysia ialah bahasa Melayu'. Sejarah pelaksanaan penggunaan bahasa Melayu (BM) ini sejajar dengan sejarah kemerdekaan negara. Berdasarkan ketetapan yang telah digariskan oleh Perlembagaan Negara, kerajaan Malaysia telah merancang dan melaksanakan satu dasar pendidikan dengan memberi penekanan kepada penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan rakyat negara ini tanpa mengira kaum melalui pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa di sekolah. Penguasaan sistem bahasa Melayu terutama dari segi bentuk, makna dan fungsi merupakan satu daripada matlamat pendidikan bahasa Melayu di sekolah rendah khususnya dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Aspek tatabahasa merupakan elemen penting yang ditekankan dalam mata pelajaran BM di sekolah rendah selain aspek seni bahasa dan kemahiran berbahasa. Penguasaan morfologi yang baik menunjukkan bahawa mereka telah menguasai aspek yang sangat penting dalam tatabahasa yang dipelajari di sekolah dan dapat mengaplikasikan kemahiran berbahasa dalam kehidupan seharian mereka.

Matlamat yang digariskan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) tidak akan tercapai sepenuhnya jika peratusan kelulusan dalam peperiksaan mata pelajaran BM tidak menunjukkan peningkatan yang tekal. Kemerosotan prestasi dalam mata pelajaran ini berpunca daripada kelemahan penguasaan tatabahasa dalam kalangan murid di sekolah. Kesilapan bahasa murid ini terjadi secara menyeluruh di sekolah dalam aspek kemahiran lisan dan penulisan. Matlamat akhir PdP mata pelajaran BM pada akhir persekolahan tahun enam berdasarkan DSKP, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menasaskan murid dapat menghasilkan penulisan kreatif dalam pelbagai genre dengan betul serta dapat menggunakan sistem bahasa yang betul dalam pertuturan, pembacaan, dan penulisan. Oleh hal yang demikian, diharapkan menerusi penetapan matlamat ini murid-murid dapat menguasai bidang morfologi, seterusnya melonjakkan pencapaian mereka dalam penulisan bahasa Melayu.

Kesilapan dalam penggunaan bahasa Melayu yang dilakukan oleh murid atau masyarakat sering menjadi tumpuan dan diperkatakan dalam media cetak oleh pengkaji bahasa. Kesilapan ini berlaku disebabkan oleh ketidakupayaan murid menguasai bahasa Melayu dengan baiknya, terutamanya bidang morfologi. Selain itu, terdapat juga faktor kekeliruan dalam penguasaan kemahiran yang terdapat dalam bahasa Melayu. Murid bukan sahaja belum menguasai kemahiran lisan dengan baiknya, malahan murid juga tidak menguasai kemahiran menulis dalam bahasa Melayu. Oleh sebab itu, kajian ini memberi tumpuan serta mengupas analisis kesilapan morfologi dalam karangan bahasa Melayu yang dihasilkan oleh murid tahun enam dan menghuraikan faktor yang menjadi punca berlakunya kesilapan morfologi tersebut.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kajian ini berkaitan penganalisan kesilapan morfologi dalam karangan bahasa Melayu murid tahun enam. Kajian ini melibatkan lima buah sekolah kebangsaan di daerah Batu Pahat, Johor berdasarkan prestasi Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) berada pada tahap sederhana. Data yang diperolehi melalui Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) menunjukkan pencapaian bagi mata pelajaran BM kertas penulisan bagi kelima-lima buah sekolah tersebut berada dalam kelompok sekolah berpencapaian sederhana, bagi tiga tahun berturut-turut. Maklumat yang diperolehi daripada pihak pentadbir sekolah juga menunjukkan prestasi pencapaian penulisan BM murid-murid di sekolah tersebut berada pada tahap sederhana dan telah dikesan tidak mencapai keputusan 100 peratus lulus bagi mata pelajaran bahasa Melayu kertas penulisan.

Berdasarkan penelitian terhadap pencapaian UPSR tiga tahun kebelakang, iaitu pada tahun 2015, 2016 dan 2017 didapati masih banyak murid di daerah ini tidak dapat mencapai keputusan yang cemerlang dalam kertas penulisan Bahasa Melayu. Data keputusan UPSR bagi ketiga-tiga tahun berkenaan menunjukkan masih terdapat murid yang tidak berjaya mencapai tahap penguasaan minimum, iaitu gred D dan E. Senario yang berlaku ini akhirnya telah menarik perhatian penyelidik untuk melaksanakan kajian di daerah ini dengan menggunakan sampel karangan yang dihasilkan oleh murid di 5 buah sekolah tersebut. Data pencapaian bilangan murid lulus dan bilangan murid tidak lulus bagi mata pelajaran BM kertas penulisan dapat dilihat dalam jadual 1 dan jadual 2.

Jadual 1 : Bilangan Murid Lulus Kertas Penulisan Bahasa Melayu Tahun 2015, 2016, dan 2017

Gred Tahun	Calon Keseluruhan	A		B		C		Jumlah	Peratus
		Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%		
2015	4969	3144	63.30	1156	23.30	404	8.10	4704	94.70
2016	4894	1597	32.70	1586	32.40	1150	23.50	4332	88.60
2017	4593	1599	34.80	1554	33.80	973	21.20	4126	89.80

Berdasarkan Jadual 1, didapati peratus lulus mata pelajaran BM penulisan tidak mencapai peratus kelulusan 100% bagi ketiga-tiga tahun, sedangkan kesemua murid merupakan penutur jati bahasa Melayu. Tahun 2015 menunjukkan pencapaian peratus lulus kertas penulisan 94.70%, berbanding tahun 2016 dan 2017 peratus kelulusan kertas penulisan bahasa Melayu hanya 88.60% dan 89.80%.

Jadual 2 : Bilangan Murid Tidak Lulus Kertas Penulisan Bahasa Melayu Tahun 2015, 2016, dan 2017

Gred Tahun	Calon Keseluruhan	D		E		Jumlah	Peratus
		Bil.	%	Bil.	%		
2015	4969	187	3.80	78	1.60	265	05.30%
2016	4894	477	9.70	84	1.70	560	11.40%
2017	4593	376	8.20	91	2.00	467	10.20%

Jadual 2 menunjukkan bilangan murid yang tidak lulus mata pelajaran BM kertas penulisan juga mencatatkan bilangan peratus yang besar, iaitu 05.30% bagi tahun 2015, dan bertambah kepada 11.40% pada tahun 2016, serta 10.20% pada tahun 2017. Pencapaian sebegini menimbulkan kebimbangan kepada penyelidik. Sekiranya, isu ini tidak ditangani segera, keadaan ini akan mempengaruhi prestasi dan pencapaian murid di peringkat seterusnya iaitu peringkat sekolah menengah.

1.3 Penyataan Masalah

Kekerapan melakukan kesilapan morfologi dalam penulisan karangan BM sering dilakukan oleh murid tahun enam. Kesilapan morfologi yang dilakukan sama ada secara lisan mahupun tulisan akan menjejaskan prestasi BM sebagai bahasa perhubungan dan bahasa ilmu. Keadaan inilah yang berlaku pada masa kini, murid-murid sering melakukan kesilapan morfologi, walaupun bahasa Melayu telah diangkat sebagai bahasa rasmi negara sejak tahun 1957 iaitu tahun kemerdekaan negara. Kesilapan morfologi banyak dilakukan oleh murid sekolah menengah dengan melakukan sebanyak 279 kesilapan penggunaan kata pemeris, kata sendi 'di', dan kata jamak banyak dilakukan oleh murid tingkatan lima, (Mohamad Abdul Rahman, 2000). Di samping itu, Wan Mohd Norudin Wan Kadir (2006) juga menghuraikan dapatan sebanyak 174 kesilapan kata yang terbahagi kepada kesilapan imbuhan, kesilapan kata ganti diri, kesilapan kata ganti tunjuk, kesilapan kata sendi dan kesilapan kata ganda. Begitu juga kajian oleh Azhari Abdullah (2001) yang menemukan dapatan berlakunya kesilapan morfologi dalam kalangan murid sekolah menengah iaitu kesilapan kata ganda dan kata majmuk.

Kajian lalu mendapati pelajar institut pengajian tinggi juga melakukan kesilapan morfologi. Hal yang demikian amat membimbangkan dan tidak boleh dipandang remeh. Kajian yang telah dilakukan oleh Faudziah Rasad dan Zamri Mahamod (2013) yang menganalisis kesilapan morfologi dalam penulisan tesis cemerlang pelajar institusi pengajian tinggi awam di Malaysia. Dapatan kajian mereka mendapati masih banyak kesilapan morfologi dalam penulisan tesis cemerlang seperti kesilapan kata sendi, kesilapan kata pemeris, kesilapan penggunaan imbuhan, kesilapan penggunaan kata penguat, dan kesilapan kata ganda.

Dalam usaha para sarjana dan ilmuwan bahasa Melayu memartabatkan bahasa Melayu di mata dunia sejajar Revolusi Industri 4.0 penguasaan dan pengukuhan bidang morfologi juga tidak boleh dipandang sepi. Hal yang demikian kerana bahasa Melayu mejadi wadah proses penyampaian maklumat dalam bidang pendidikan, politik mahupun sosial melalui medium media sosial seperti penggunaan bahasa Melayu di blog peribadi. Siti Norsyahidah Mohd A. Rashid, Nor Azuwan Yaakob dan Che Ibrahim Salleh (2015), menganalisis kesilapan bahasa dalam laman blog yang berkaitan dengan komuniti sosial dan penggunaan bahasa Melayu secara bertulis. Dapatan kajian menunjukkan terdapat kesilapan dalam aspek morfologi iaitu kesilapan kata tunggal, kata terbitan, kata ganda, dan kata majmuk.

Penelitian penyelidik terhadap permasalahan ini menimbulkan kebimbangan terhadap usaha pemartabatan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Keadaan ini kerana kesilapan morfologi berlaku secara berterusan seawal peringkat sekolah rendah, hingga ke peringkat sekolah menengah, seterusnya terjelma dalam komuniti melalui media sosial. Bertitik tolak daripada permasalahan ini, penyelidik terpanggil untuk melakukan kajian terhadap analisis kesilapan morfologi dengan memberikan fokus terhadap kesilapan golongan kata dan kesilapan bentuk kata dalam karangan murid tahun enam. Penyelidik berpendirian bahawa analisis kesilapan morfologi perlu diberikan perhatian segera agar masalah penguasaan bidang morfologi bahasa Melayu dapat diatasi sejak murid berada di peringkat sekolah rendah lagi.

1.4 Objektif Kajian

Objektif yang hendak dicapai melalui pelaksanaan kajian ini adalah seperti yang berikut:

- i. Menganalisis kesilapan golongan kata dalam karangan bahasa Melayu murid tahun enam.
- ii. Menganalisis kesilapan bentuk kata dalam karangan bahasa Melayu murid tahun enam.
- iii. Menghuraikan faktor yang mempengaruhi kesilapan morfologi dalam karangan bahasa Melayu murid tahun enam.

1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini dilakukan untuk menjawab persoalan yang berikut:

- i. Bagaimanakah kesilapan golongan kata dalam karangan bahasa Melayu yang dilakukan murid tahun enam?

- ii. Bagaimanakah kesilapan bentuk kata dalam karangan bahasa Melayu yang dilakukan oleh murid tahun enam?
- iii. Mengapakah murid Melayu tahun enam melakukan kesilapan morfologi dalam karangan bahasa Melayu?

1.6 Kepentingan Kajian

Bahagian ini membincangkan aspek kepentingan kajian terhadap murid, guru, pihak pentadbir sekolah, dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

1.6.1 Meningkatkan Tahap Penguasaan Murid dalam Bidang Morfologi

Menulis karangan merupakan satu aktiviti kemahiran berbahasa yang terdapat dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) bahasa Melayu sekolah rendah. Kemahiran menulis karangan merupakan standard pembelajaran yang perlu dipelajari dan dikuasai oleh murid-murid pada akhir tahun persekolahan tahap rendah, di samping kemahiran berbahasa yang lain iaitu kemahiran dengar dan tutur, kemahiran membaca, serta aspek berbahasa iaitu tatabahasa dan seni bahasa. Kajian ini memberi peluang kepada murid-murid mengetahui pencapaian mereka dalam aspek tatabahasa dengan memberi fokus kepada bidang morfologi. Melalui penulisan karangan, murid menggabungkan pengetahuan dalam bidang morfologi untuk menterjemahkan idea mereka dalam bentuk penulisan. Kelemahan penggunaan golongan kata dan bentuk kata akan mengakibatkan idea yang hendak disampaikan tidak jelas, malah tidak dapat difahami oleh pembaca. Analisis kesilapan morfologi yang dilakukan oleh penyelidik, memberi peluang kepada murid-murid mengenal pasti kesilapan yang mereka lakukan ketika menulis karangan. Dapatan analisis kesilapan ini boleh dijadikan sebagai kayu ukur tahap penguasaan murid dalam bidang morfologi, seterusnya berpeluang memperbaiki hasil penulisan karangan mereka.

Menerusi kesedaran yang ada pada diri murid-murid ini, diharapkan dapat membantu hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia, iaitu meningkatkan peratusan murid lulus dalam mata pelajaran Bahasa Melayu pada peringkat kepujian bagi melayakkan mereka memperolehi Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM). Pengesanan awal terhadap kesilapan morfologi seawal tahun enam, diharapkan dapat meningkatkan pencapaian prestasi mereka apabila berada di peringkat sekolah menengah seterusnya dalam SPM pada masa akan datang.

1.6.2 Memantapkan Kualiti Pengajaran Guru dalam Bidang Morfologi

Guru yang berpengalaman mampu meramal dan mengenal pasti kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh murid mereka. Namun begitu, ramalan seorang

guru tidak semestinya tepat. Ramalan yang dilakukan bersifat subjektif dan tidak berdasarkan data yang empiris. Kesilapan ketika membuat andaian boleh berlaku apabila guru lebih menekankan aspek bahasa yang kurang penting dalam pengajaran dan pembelajaran BM sedangkan aspek yang lebih penting dan sukar diabaikan dalam proses pembelajaran. Sehubungan dengan itu, kajian ini penting untuk meningkatkan pengetahuan guru khusus dalam bidang morfologi seterusnya memantapkan kualiti PdP.

Dapatan kajian ini amat penting kepada kumpulan guru yang mengajarkan mata pelajaran BM untuk menilai keberkesanan pengajaran mereka dan meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Guru dapat memberikan fokus kepada penambahbaikan pencapaian penguasaan bidang morfologi yang masih belum dikuasai oleh murid. Sebagai guru yang prihatin, mereka juga boleh menggunakan dapatan kajian ini untuk merancang proses pengajaran yang difikirkan berkesan kepada murid. Penguasaan murid yang berbeza-beza dalam kalangan murid memerlukan bimbingan dan teknik pengajaran yang berbeza juga daripada guru. Oleh itu, guru boleh merancang intervensi yang bersesuaian dengan tahap penguasaan morfologi dan tahap kecerdasan murid-murid.

Guru-guru juga boleh menjadikan kajian ini sebagai rujukan dalam pelaksanaan kajian tindakan di sekolah. Kajian ini dapat dijadikan rujukan bagi melihat penguasaan murid dalam bidang morfologi dan menghuraikan faktor yang mempengaruhi berlakunya kesilapan ketika menulis karangan. Dapatan kajian ini boleh digunakan sebagai penandaarasan untuk melihat peningkatan prestasi murid dari semasa ke semasa.

1.6.3 Perancangan Intervensi dalam Bidang Morfologi

Dapatan kajian ini juga amat penting kepada pihak pentadbir sekolah. Pihak pentadbir sekolah boleh menjadikan kajian ini sebagai rujukan untuk merancang intervensi mahupun inovasi dalam meningkatkan tahap penguasaan tatabahasa bahasa Melayu di sekolah terutamanya bidang morfologi. Berpandukan dapatan kajian ini, pentadbir boleh merangka dan membina program yang selaras dengan keperluan murid untuk mengatasi kelemahan mereka dalam bidang morfologi BM.

Pentadbir sekolah boleh bertindak proaktif, dengan merancang intervensi selaras dengan dapatan analisis kesilapan morfologi. Berdasarkan dapatan analisis kesilapan tersebut, pentadbir sekolah, boleh memberi fokus untuk meningkatkan tahap penguasaan murid dalam kedua-dua aspek bidang morfologi iaitu penggolongan kata dan pembentukan kata bahasa Melayu. Intervensi boleh dilaksanakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran agar memberi impak tinggi terhadap penguasaan murid, seterusnya memantapkan pengetahuan sedia ada guru.

Pihak pentadbir dengan kerjasama guru-guru, boleh berkolaboratif dalam menghasilkan aktiviti dan bahan sokongan pengajaran dan pembelajaran yang memberikan impak tinggi terhadap pencapaian murid. Aktiviti dan bahan yang dirancang hendaklah mampu mengatasi masalah penguasaan morfologi dalam penulisan bahasa Melayu. Sehubungan dengan itu, diharapkan dapatan kajian ini dapat memberikan panduan kepada pentadbir sekolah dalam merancang pembangunan aktiviti dan bahan sumber pengajaran dan pembelajaran di sekolah, khususnya bidang morfologi BM.

1.6.4 Pembinaan Kurikulum Baharu dan Bahan Sokongan Pembelajaran dalam Bidang Morfologi

Kementerian Pendidikan Malaysia, menerusi Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) bertanggungjawab dalam penggubalan kurikulum dan pembinaan bahan sokongan pengajaran dan pembelajaran untuk kegunaan murid dan guru sekolah KPM. Hal yang demikian, penyelidik berharap agar dapatan kajian ini dapat memberi input kepada BPK dalam pembinaan kurikulum masa hadapan. Berdasarkan kurikulum PdP bahasa Melayu yang sedia ada, bidang morfologi dijadikan sebahagian daripada aspek tatabahasa yang perlu dikuasai oleh murid pada akhir tahun persekolahan. Walau bagaimanapun, aspek tatabahasa di peringkat sekolah rendah tidak ditaksir untuk mengukur tahap penguasaan murid. Sebaliknya, aspek tatabahasa digunakan dalam pengajaran kemahiran bahasa seperti kemahiran dengar tutur, membaca dan menulis. Dapatan analisis kesilapan morfologi dan faktor-faktor yang mempengaruhi kesilapan tersebut dapat digunakan sebagai panduan dalam pembinaan kurikulum bahasa Melayu, khususnya bidang morfologi pada masa akan datang.

Selain daripada itu, dapatan kajian ini juga boleh digunakan sebagai panduan dalam pembinaan bahan sokongan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran BM. Dapatan kajian ini boleh digunakan sebagai penanda aras dalam penghasilan bahan sokongan pengajaran dan pembelajaran BM dengan meneliti faktor yang menyebabkan berlakunya kesilapan golongan kata dan kesilapan bentuk kata. Sehubungan dengan itu, diharapkan agar bahan sokongan yang akan dihasilkan nanti mampu memberikan impak tinggi terhadap penguasaan murid dalam bidang morfologi.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini menumpukan perhatian terhadap bidang morfologi BM, yang mengkhusus dalam aspek bentuk kata dan golongan kata. Skop kajian ini ialah menganalisis kesilapan bentuk kata dan kesilapan golongan kata serta menghuraikan faktor yang mempengaruhi berlakunya kesilapan morfologi dalam karangan bahasa Melayu yang dihasilkan oleh murid tahun enam.

Batasan kajian dalam aspek bentuk kata tertumpu kepada kesilapan pembentukan kata tunggal, kesilapan pembentukan kata terbitan, dan kesilapan dalam pembentukan kata ganda. Aspek kesilapan golongan kata pula dibataskan kepada kesilapan penggolongan kata nama, kesilapan penggolongan kata kerja, dan kesilapan penggolongan kata tugas.

Kajian ini dibataskan kepada 50 sampel karangan bahasa Melayu yang dihasilkan oleh 50 orang murid Melayu tahun enam di lima buah sekolah dalam daerah Batu Pahat, Johor. Responden kajian ini merupakan kumpulan murid penutur jati yang berprestasi sederhana dalam mata pelajaran bahasa Melayu. Prestasi pencapaian murid di daerah ini diperolehi melalui data analisis pencapaian Ujian Pencapaian Sekolah Rendah, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), manakala prestasi murid yang terlibat dengan kajian ini dilihat berdasarkan analisis markah yang diperolehi daripada pihak pentadbir sekolah. Pencapaian cemerlang iaitu gred A mata pelajaran Bahasa Melayu kertas penulisan dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) sekolah tersebut juga menunjukkan pencapaian yang sederhana. Berdasarkan analisis markah tersebut, didapati terdapat murid yang tidak menguasai tahap pencapaian minimum, iaitu gred C pada setiap tahun.

1.8 Definisi Operasional

Definisi operasional menurut Sidek Mohd Noah (2002) merupakan definisi yang bersifat khusus, boleh diukur melalui pemboleh ubah yang terlibat dalam kajian. Definisi operasional bagi kajian ini melibatkan analisis kesilapan bentuk kata dan analisis kesilapan golongan kata dalam karangan bahasa Melayu yang dilakukan oleh murid penutur jati bahasa Melayu.

Terdapat beberapa konsep dan istilah yang digunakan dalam kajian ini. Konsep serta istilah terdiri daripada perkataan dan frasa tertentu yang wajar diberikan pengertian terlebih dahulu kerana berkaitan dengan tajuk penyelidikan yang dijalankan. Kajian ini menggunakan frasa seperti yang berikut:

1.8.1 Kesilapan Morfologi

Morfologi merupakan satu bidang yang mengkaji struktur, bentuk, dan penggolongan kata. Susunan kata pula bermaksud bunyi ujaran atau lambang (tulisan) yang membentuk unit bahasa yang bermakna (Nik Safiah Karim, 1997). Unit terkecil yang mempunyai makna dan tugas nahu dalam bidang morfologi ialah morfem. Morfem ialah unit terkecil yang menjadi unsur perkataan. Kata tidak boleh dipecahkan kepada unit bermakna atau nahu yang lebih kecil. Oleh hal yang demikian, kata-kata ini terdiri daripada satu unit atau satu morfem. Contohnya kata 'lari'. 'Lari' tidak akan berfungsi atau memberikan makna jika dipecahkan kepada 'la' dan 'ri'. Sebaliknya kata 'berlari' boleh dipecahkan

kepada dua morfem, iaitu 'ber' dan 'lari'. Kesimpulannya perkataan boleh terdiri daripada beberapa morfem. Morfem pula terbahagi kepada dua iaitu morfem bebas dan morfem terikat. Morfem bebas dapat berdiri sendiri dan mempunyai maksud sendiri. Contoh: kereta, meja, gembira. Sebaliknya morfem terikat dikenali sebagai imbuhan. Morfem terikat tidak mempunyai makna tetapi mempunyai fungsi tatabahasa atau nahu. Morfem terikat boleh mengubah sesuatu kata seterusnya boleh mengubah makna ayat. Contohnya seperti *ber, di, kan, mem, per*. Morfem terikat tidak boleh wujud tanpa kata dasar.

Kesalahan atau *errors* merupakan penyelewengan yang disebabkan oleh faktor kecekapan berbahasa. Hal yang demikian kerana murid belum memahami sistem linguistik bahasa yang digunakannya dan kesalahan yang dilakukannya terjadi secara tekal. Oleh itu kesalahan bersifat sistematik dan kekal sekiranya tidak diperbaiki oleh guru. Kesalahan juga biasanya dilakukan oleh penutur yang tidak menguasai sepenuhnya struktur tatabahasa. Kesalahan dilakukan oleh individu yang cuba mempelajari sesuatu bahasa, Corder (1973).

Kesilapan bahasa pula merupakan satu bentuk penggunaan bahasa yang menyimpang daripada sistem bahasa yang diterima sebagai baku oleh penutur bahasa. Kesilapan boleh berlaku dalam semua aspek bahasa seperti tatabahasa, ejaan, sebutan, penggunaan perkataan dan istilah. Kesilapan bersifat tidak sistematik dan sementara. Penutur yang melakukan kesilapan morfologi biasanya telah menguasai sistem linguistik bahasa Melayu, walau bagaimanapun melakukan penyimpangan akibat faktor persekitaran seperti gangguan fokus, tidak memberi perhatian dan kurang pembacaan. Sehubungan dengan itu, kesilapan morfologi dapat diuraikan sebagai bentuk penyimpangan penggunaan aspek morfologi iaitu golongan kata dan bentuk kata dalam sistem bahasa Melayu standard. Kesilapan morfologi ini dapat dilihat melalui persembahan atau penampilan murid dalam pertuturan mahupun penulisan.

Corder (1973) menyatakan kesilapan bahasa merupakan proses pembelajaran dan boleh diselesaikan. Corder mengistilahkan sesetengah-sesetengah kesilapan bahasa yang dilakukan oleh penutur jati sebagai 'breach of code'. Kesilapan itu dilakukan bukan kerana penutur tidak mengetahui atau memahami peraturan-peraturan bahasa ibunda tetapi kerana sifat bahasa itu sendiri yang membenarkan wujudnya bentuk yang mengelirukan sehingga boleh membuka ruang kepada penutur melakukan kesilapan sekiranya tidak berhati-hati. Menurut beliau pelbagai kesilapan bahasa dilakukan oleh penutur seperti kesilapan yang digolongkan sebagai 'syntactic blends' iaitu memulakan sesuatu ujaran, menghentikannya, kemudian menyambung dengan suatu ujaran baharu yang berlainan strukturnya. Teori Analisis Kesilapan Corder (1973) mendasarkan empat kategori kesilapan bahasa yang telah disenaraikan iaitu pengguguran unsur yang perlu, penambahan unsur yang tidak perlu, pemilihan unsur yang tidak tepat, dan penyusunan unsur yang salah.

Berdasarkan pengertian di atas, kajian ini memberi tumpuan terhadap kesilapan morfologi dalam hasil penulisan karangan iaitu menganalisis kesilapan golongan kata dan kesilapan bentuk kata dalam karangan bahasa Melayu yang ditulis oleh murid tahun enam berdasarkan definisi dan konsep Teori Analisis Kesilapan Corder (1973).

1.8.2 Penulisan Karangan Bahasa Melayu

Guru memainkan peranan yang penting untuk memotivasi murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu terutamanya ketika aktiviti menulis karangan yang sering dikatakan sukar dan membosankan. Sejalan dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi, pembelajaran menulis karangan boleh diaplikasi menggunakan komputer untuk menarik minat dan perhatian murid malah murid dapat memperoleh skor ujian yang lebih baik (Nor Ilyani Harun, Ahmad Fauzi Mohd Ayub & Fadzilah Ab. Rahman, 2012). Di samping penggunaan komputer sebagai medium pengajaran, teknik yang menarik dan berkesan juga memainkan peranan yang penting dalam menentukan penguasaan penulisan karangan teknik yang menarik dan berkesan juga memainkan peranan yang penting dalam menentukan penguasaan penulisan karangan. Sehubungan dengan itu, guru perlu bijak memilih strategi, kaedah dan teknik yang bersesuaian dengan murid. Teknik sumbang saran dalam pengajaran kemahiran menulis karangan berjaya meningkatkan pemahaman murid dari segi penguasaan idea dan berjaya menunjukkan peningkatan pencapaian murid dalam kemahiran menulis karangan (Eyah Abu Samah, 2012).

Berdasarkan pendapat yang dikemukakan oleh ahli-ahli bahasa, dirumuskan bahawa karangan merupakan satu latihan untuk melahirkan fikiran, idea dan pendapat secara bebas tetapi terkawal oleh arahan dan peraturan serta tajuk karangan yang telah ditetapkan oleh guru pada peringkat awalnya. Pelbagai definisi yang dibuat oleh ahli-ahli bahasa mengenai takrif bagi kata karangan. Walau bagaimanapun kebanyakan pengertian yang diberikan oleh ahli-ahli bahasa mempunyai makna yang sama. Penulisan karangan BM dalam skop kajian penyelidikan ini, merupakan sampel karangan yang dihasilkan oleh 50 orang murid Melayu sekolah rendah kebangsaan. Murid menulis karangan tersebut seperti melaksanakan pentaksiran bilik darjah. Guru tidak membimbing dan berbincang tentang kehendak tajuk karangan. Murid diberikan masa selama satu jam untuk menghasilkan karangan berdasarkan tajuk yang diberikan oleh guru mata pelajaran BM. Peringkat seterusnya, penyelidik menganalisis kesilapan morfologi yang terdapat dalam karangan tersebut. Penyelidikan ini menumpukan analisis kesilapan golongan kata dan analisis kesilapan bentuk kata dalam karangan deskriptif yang dihasilkan oleh murid Melayu tahun enam.

1.8.3 Murid Melayu

Menurut Kamus Dewan Edisi Empat (2015), 'Melayu' membawa maksud nama suatu bangsa dan bahasa (terutamanya di Semenanjung Malaysia). Frasa "murid Melayu", membawa maksud sekumpulan murid yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi dalam kehidupan seharian, malah bahasa Melayu merupakan bahasa ibunda mereka. Bahasa ibunda merupakan bahasa yang pertama sekali dikuasai oleh seseorang dan digunakan untuk berhubungan dengan keluarga dan lingkungannya (Kamus Dewan Edisi Empat, 2015). Kajian ini merujuk kepada bahasa Melayu yang merupakan bahasa pertuturan sehari-harian murid di rumah. Murid berbicara dan berkomunikasi menggunakan bahasa ini secara turun-temurun dalam keluarga mereka. Bahasa Melayu juga merupakan bahasa warisan yang dituturkan sejak nenek moyang mereka lagi.

Dalam konteks kajian ini, murid Melayu melambangkan sekumpulan murid yang menggunakan bahasa Melayu dalam berkomunikasi urusan kehidupan seharian mereka dan ketika menuntut ilmu iaitu proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah serta berkebolehan menulis dalam bahasa Melayu dengan baik. Kajian ini dibataskan kepada murid penutur jati bahasa Melayu yang belajar dalam tahun enam.

1.9 Kesimpulan

Kesilapan dan kesalahan morfologi mempunyai dua maksud yang berbeza dalam bidang linguistik. Corder (1981) mendefinisikan kesilapan bahasa (*mistake*) sebagai bentuk-bentuk pertuturan yang menyimpang atau yang menyalahi bentuk-bentuk pertuturan penutur jati. Juriah Long, Raminah Hj. Sabran, dan Sofiah Hamid (1994), menyatakan bahawa kesilapan bahasa adalah sesuatu bentuk penggunaan bahasa yang menyimpang daripada sistem bahasa yang diterima sebagai baku oleh penutur bahasa dan kesilapan tersebut meliputi semua aspek bahasa seperti tatabahasa, ejaan, sebutan, penggunaan perkataan dan istilah. Kesalahan atau *errors pula* merupakan penyelewengan yang disebabkan oleh faktor kecekapan berbahasa. Hal yang demikian berlaku kerana murid belum memahami sistem linguistik bahasa yang digunakan. Kesalahan bersifat sistematik dan kekal. Kesalahan biasanya dilakukan oleh oleh penutur yang tidak menguasai sepenuhnya struktur tatabahasa. Oleh itu, kesalahan terjadi secara konsisten sekiranya tidak diperbaiki oleh guru.

Fokus kajian ini yang menumpukan analisis kesilapan golongan kata dan bentuk kata berdasarkan Teori Analisis Kesilapan Corder (1973), diharapkan dapat memberikan maklumat tentang daerah-daerah dan punca-punca kesulitan murid yang perlu diberikan tumpuan. Bagi tujuan kajian ini, penyelidik hanya menumpukan aspek kesilapan morfologi dalam karangan bahasa Melayu yang dihasilkan oleh murid Melayu tahun enam. Walaupun begitu, kajian ini bukan

sahaja menganalisis kesilapan aspek morfologi, malah penyelidik juga akan menghuraikan faktor yang mempengaruhi berlakunya kesilapan morfologi dalam karangan bahasa Melayu.



BIBLIOGRAFI

- Abdul Chaer. (2008). Morfologi bahasa Indonesia (Pendekatan Proses). Jakarta: Rineka Cipta.
- Abdul Hamid Mahmood. (1990). Dialek Terengganu: Satu Tinjauan Ringkas dalam Jurnal Dewan Bahasa. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Agung Rinaldy Malik, Syarifah Fatimah. (2017). Analisis Kesalahan Morfologi dalam Karangan Sederhana bahasa Jerman Siswa Kelas XI SMAN 2 Makassar. *Eralingua, Jurnal Pendidikan Bahasa Asing dan Sastra*, Vol 1, No 1. Universiti Makassar.
- Alhaadi Ismail & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2018). Analisis kesalahan dalam penulisan pelajar bahasa kedua dari aspek morfologi. *Jurnal Linguistik*, 22(1).24-31.
- Amirra Shazreena Amirul Razin & Vijayaletchumy Subramaniam. (2019). Kesalahan penggunaan imbuhan awalan dan akhiran dalam kalangan murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil berdasarkan teori analisis Corder (1973). *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 7(1).3-13.
- Asmah Haji Omar. (1988). Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azahari Abdullah. (2001). Analisis Kesilapan Morfologi dalam Penulisan Karangan di Kalangan Pelajar Tingkatan Empat di Daerah Kinta, Ipoh, Perak Darul Ridzuan. Tesis Sarjana Muda. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Bell. (1981). *An Introduction To Applied Linguistics: Approached and Methods In Language Training*. Batsford Academic and Educational Ltd: London.
- Corder. (1967). *The Significance Of Learners' Errors*. *International Review of Applied Linguistics In Language Teaching*.
- Corder. (1973). *Introducing Applied Linguistics*. Harmondsworth: Penguin Education.
- Corder. (1981). *Error Analysis and Interlanguage*. London: Oxford University Press.
- Faudziah Rasad & Zamri Mahamod. (2013). Analisis Kesalahan Morfologi dan Sintaksis dalam Penulisan Tesis Cemerlang. Prosiding Seminar Serantau Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu & Kesusasteraan Melayu. Kali Kedua, 2013. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. (129 – 146)

- Gay, L.R. Dan Airasian, P. (2006). *Educational Research: Competencies for Analysis and Applications*. Ed. Ke-8. New Jersey: Person Merrill Prentice Hall.
- Gio Mohamad Johan (2017). Analisis Kesalahan Morfologis dalam Proses Diskusi Siswa Sekolah Dasar. *Jurnal Visipena*, Vol. 8 No. 1. 124-134
- Harimurti Kridalaksana. (1983). *Kamus Linguistik*. Jakarta: PT Gramedia.
- Hasmidar Hassan, Mardian Shah Omar, Puteri Roslina Abdul Wahid (2018). Kecelaruhan Morfologi dalam Penulisan Bahasa Melayu oleh Penutur Asing. *Jurnal Linguistik*. Vol. 22, No. 2. Halaman 20-36.
- Hsieh & Shannon. (2005). Three Approaches to Qualitative Content Analysis. *Qualitative Health Research*.
- Juriah Long. Raminah Hj. Sabran. Sofiah Hamid. (1994). *Perkaedahan Pengajaran Bahasa Malaysia*. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2015: 106). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah. Bahasa Melayu. Sekolah Kebangsaan. Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tahun 4*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah. Bahasa Melayu. Sekolah Kebangsaan. Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran. Tahun 5*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah. Bahasa Melayu Sekolah Kebangsaan, Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tahun 6*.
- Khairun Nisa (2018). Analisis Kesalahan Berbahasa Pada Berita dalam Media Surat Kabar Sinar Indonesia Baru. *Jurnal Bindo Sastra*, Vol 2, No 2. FKIP UM Palembang
- Kridalaksana (2008: 159). *Kamus Linguistik*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.
- Krippendorff. (2004). *Content Analysis: An Introduction to Its Methodology (Second Edition)*. California: Sage Publication
- Lado. (1957). *Across Cultures: Applied Linguistics for Language Teachers*. Chicago: Ann Arbor, University of Chicago Press. LB 1578 Lad. Red Spot.

- Latif Ibrahim. (2008). Penguasaan Aspek Morfologi dan Sintaksis Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah: Perspektif Motivasi. Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.
- Mariyati Haji Mohd Nor, Norhana Md. Salleh & Hasrina Baharum. (2017). Kesilapan Penggunaan Kata Kerja dalam Kalangan Pelajar Melayu Ketika Menstruktur Ayat dalam Penulisan Bahasa Sepanyol *Educatum – Journal Of Social Science*, Vol. 3. 2017. Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tanjung Malim, Perak.
- Mohamad Abdul Rahman. (2000). Analisis Kesilapan Tatabahasa dalam Penulisan Karangan Bahasa Melayu Pelajar Tingkatan Lima. Sarjana Pengajaran Bahasa Moden Fakulti Bahasa dan Linguistik. Universiti Malaya.
- Mohd Junit Mohd Johari. (1996). Menguasai Kemahiran Menulis bagi Meningkatkan Penguasaan Bahasa Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa, Jilid 40 (1)*, Halaman 78-87.
- Mohd Majid Konting (2005). Kaedah Penyelidikan Pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Nik Safiah Karim (1987). Tatabahasa Dewan. Jilid 1. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Ilyani Harun, Ahmad Fauzi Mohd Ayub & Fadzilah Ab. Rahman. (2012). Keberkesanan Penggunaan Komputer dalam Pengajaran dan Pembelajaran Tatabahasa. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu: Malay Language Education (MyLEJ)*, 2 (1). Pp. 31-42. ISSN 2180-4842.
- Nur Endah Ariningsih, Sumarwati dan Kundharu Saddhono. 2012. Analisis Kesalahan Berbahasa Indonesia dalam Karangan Eksposisi Siswa Sekolah Menengah Atas. JPBS FKIP Universitas Sebelas Maret. *BASASTRA Jurnal Penelitian Bahasa, Sastra dan Pengajarannya*. 1(1): April 2012.
- Nurhayati dan Siti Mulyani (2006: 62). Linguistik Bahasa Jawa Kajian Fonologi, Morfologi, Sintaksisi, dan Semantik. Yogyakarta: Bagaskara.
- Nurvita Anjarsari (2012). Analisis Kesalahan Pemakaian Bahasa Indonesia dalam Karangan Mahasiswa Penutur Bahasa Asing Di Universitas Sebelas Maret. *Jurnal Non UNS-F.Kipjur. Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia-K1208036*. Surakarta.
- Salina Husain. (2010) Penggunaan Konjugasi Kata Kerja Bahasa Sepanyol dan Perbandingannya dengan Bahasa Melayu. Serdang: Universiti Putra Malaysia

- Selinker. (1972). Interlanguage. *IRAL-International Review of Applied Linguistics in Language Teaching*, 10(1-4), 209-232.
- Sidek Mohd Noah (2002). *Reka Bentuk Penyelidikan. Falsafah, Teori, dan Praktis*. Universiti Putra Malaysia Press.
- Siti Norsyahida Mohd A.Rashid, Nor Azuwan Yaakob & Che Ibrahim Salleh. (2015). Penggunaan Bahasa dalam Laman Blog dari Aspek Morfologi. *Journal of Business and Social Development*. 3(2):34-50.
- Soh Bee Kwee (2001). Analisis Konstratif dan Analisis Kesilapan: Dua Muka yang Ada Pada Satu Duit Syiling yang Sama. *Jurnal Dewan Bahasa, Jilid 1 (8)*, Halaman 53-58.
- Syeb Arabi Idid (1993). *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim. Farid M. Onn. Hashim Haji Musa. Abdul Hamid Mahmood. (2013). *Tatabahasa Dewan*, Halaman 83–84
- Wan Mohd Norudin Wan Kadir. (2006). Analisis Kesilapan Tatabahasa dalam Karangan Bahasa Melayu: Satu Kajian Kes. Sarjana Pengajaran Fakulti Bahasa dan Linguistik. Universiti Malaya.
- White & Marsh. (2006). Content Analysis: A Flexible Methodology. *Library Trends*, 55(1), 22-45.
- Zaitul Azma Hamzah. (2006). Analisis Kesalahan Pemerolehan Bahasa Kanak-Kanak. *Jurnal Dewan Bahasa, Jilid (7)*, Halaman 652-661.
- Zaliza Mohamad Nazir. (2017). Kesalahan Tatabahasa Bahasa Melayu dalam Penulisan Karangan Pelajar LSP *International Journal*, Vol. 4, Issue 1, 2017, 23-35.
- Zeckqualine Melai, Dayang Nurlisa Abang Zainal Abidin (2020). Pengajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Asing: Analisis Pola Kesalahan Tatabahasa dalam Penulisan. *Jurnal Universiti Malaysia Sarawak*. Vol 9 NO 1.